

Oleh OMAR ZIN  
utusannews@mediamulia.com.my

# Industri sawit komited lindungi alam sekitar

**GENTING HIGHLANDS:** Pemain industri minyak sawit mampu menerajui pemuliharaan populasi orang utan sebagai komitmen terhadap melindungi alam sekitar.

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, industri sawit wajar mencontohi China yang menggunakan pendekatan diplomasi panda bagi meningkatkan industri buluh negara itu.

"Satu hari nanti, saya mahu lihat semua negara yang mahu mengimport minyak sawit, kita beri orang utan sebagai hadiah, ia menunjukkan komitmen dan kita komited melindungi biodiversiti dan orang utan, kalau tidak mereka asyik kata kita bunuh orang utan," katanya ketika merasmikan Forum Biodiversiti 2024 anjuran Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) di sini semalam.

Untuk tujuan itu, beliau bekerjasama rapat dengan MPOGCF dan pihak berkepentingan supaya orang utan boleh menghantar isyarat kepada masyarakat global mengenai komitmen Malaysia kepada pemuliharaan biodiversiti.

"Sesuatu yang kita boleh juga teroka adalah untuk menempatkan dan membiaya orang utan di zoo di luar negara, terutamanya dalam pengimportan utama negara seperti negara Kesatuan Eropah (EU) bagi menunjukkan kita komited lindungi iklim dan alam sekitar," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah



**JOHARI Abdul Ghani (tiga dari kiri) dan Mad Zaidi Mohd. Karli (dua dari kiri) menunjukkan Buku Panduan Pengecaman Tapak Hidupan Liar yang menjadi panduan dalam menguruskan hidupan liar di ladang pada Forum Biodiversiti 2024 di Genting Highlands, semalam.**

Pengerusi MPOGCF, Datuk Mad Zaidi Mohd Karli dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan) Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Datuk Abdul Hadi Omar.

Menurutnya, komitmen tersebut juga penting bagi menangani diskriminasi gerakan anti-propaganda minyak sawit

yang membuat tuntutan berat sebelah dan dasar perlindungan yang menyebelahi pihak tertentu.

Jelasnya, ini disebabkan semakin banyak rakan dagangan yang prihatin terhadap kesan komoditi pertanian kepada perubahan iklim dan Malaysia mesti tunjukkan kepada komuniti global negara ini mampu mewujudkan keseimbangan antara memenuhi

keperluan keselamatan makanan dan pada masa sama melindungi alam sekitar.

"Menunjukkan komitmen terhadap pemuliharaan biodiversiti, perlindungan habitat dan penjagaan alam sekitar boleh membezakan Malaysia sebagai pengeluar yang bertanggungjawab dan beretika dalam pengeluaran minyak sawit.

"Ini akhirnya akan membawa kepada peningkatan akses pasaran, harga premium dan daya saing jangka panjang dalam ekonomi global iaitu semakin mengutamakan amalan mampan," katanya.

Katanya, skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) yang dilaksanakan sejak 2015 memainkan peranan penting dalam meningkatkan standard keseluruhan industri dan piawaian ini diperbaiki secara berterusan.

"Bermula 2022, MSPO 2.0 menggabungkan keperluan kemampan seperti memulihara habitat semula jadi dalam ladang, tiada penebangan hutan selepas 2020, Penilaian Impak Sosial (SIA) dan lain-lain," katanya.

Malah, kira-kira 54.9% daripada Malaysia kekal sebagai hutan berdasarkan peratusan yang dilaporkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Disember 2023).

"Banyak pengusaha ladang besar telah mengambil inisiatif untuk memulakan projek pemuliharaan biodiversiti dengan harapan saya untuk meletakkan industri minyak sawit Malaysia sebagai peneraju global dalam pengeluaran mampan," katanya.

## Forum Biodiversiti 2024 fokus pemuliharaan dalam ladang sawit

**GENTING HIGHLANDS:** Forum Biodiversiti 2024 menekankan kepentingan melindungi tiga spesies iaitu orang utan, Harimau Malaya dan gajah pygmy Borneo sebagai komitmen memulihara biodiversiti negara terutamanya dalam ladang sawit.

Pengerusi Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF), Datuk Mad Zaidi Mohd. Karli berkata, industri minyak sawit boleh memainkan peranan penting dalam memulihara biodiversiti, melindungi ekosistem dan menggalakkan pembangunan mampan.

Katanya, penglibatan industri minyak sawit dalam menangani isu pemuliharaan adalah penting atas beberapa sebab.

"Sebagai pemain utama dalam penggunaan tanah dan pengeluaran pertanian di negara ini, industri minyak sawit boleh mengurangkan kesan alam sekitar dan menyumbang kepada pemeliharaan habitat dan spesies kritikal dengan melibatkan diri secara aktif dalam usaha pemuliharaan.

"Inisiatif pemuliharaan



**JOHARI Abdul Ghani (dua dari kiri) dan Mad Zaidi Mohd. Karli (tiga dari kiri) melawat gerai pameran sempena Forum Biodiversiti 2024 di Genting Highlands, semalam.**

membantu memastikan penanaman kelapa sawit dilaksanakan dengan cara yang mampan yang mengekalkan kesihatan ekosistem, kesuburan tanah dan kualiti air, sekali gus melindungi masa depan industri," katanya dalam majlis perasmian Forum Biodiversiti 2024.

Katanya lagi, industri sawit juga mempunyai tanggungjawab untuk menghormati hak masyarakat tempatan, melindungi mata pencarian mereka dan memelihara warisan negara.

"Usaha pemuliharaan boleh membantu memupuk hubungan positif dengan komuniti dan

menunjukkan komitmen terhadap tanggungjawab sosial," katanya.

Justeru, katanya, peraturan dan piawaian pensijilan yang semakin ketat memerlukan syarikat minyak sawit untuk menunjukkan komitmen mereka terhadap kelestarian alam sekitar.

"Dengan mengambil bahagian secara aktif dalam projek dan inisiatif pemuliharaan, syarikat minyak sawit boleh memastikan pematuhan kepada peraturan dan piawaian, dengan itu meningkatkan reputasi dan akses pasaran mereka.

"Kerjasama antara MPOGCF dan syarikat minyak sawit dalam pelbagai projek menunjukkan komitmen industri untuk menangani cabaran pemuliharaan," katanya.

Oleh itu, katanya, objektif forum ini adalah bagi memudahkan perkongsian pengetahuan dan penglibatan dalam kalangan pemegang taruh yang pelbagai.

"Ini bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan biodiversiti, dengan mempamerkan kisah kejayaan dan memberi inspirasi.

"Melalui kerjasama, kita boleh

berusaha ke arah masa depan yang mana biodiversiti dipelihara, dan ekosistem berkembang maju," katanya.

Forum ini yang juga dikenali sebagai Forum Bio-D 2024 berfungsi sebagai platform pertemuan penting untuk saintis pemuliharaan dan pakar kelestarian ladang termasuk penyelidik, pelajar, pendidik alam sekitar, pengamal dan pihak berkepentingan pemuliharaan yang lain.

Kira-kira 350 peserta fizikal dan 450 peserta lagi menyertai dalam talian, bersama-sama dengan perwakilan daripada lebih 50 syarikat dan lebih daripada 30 pembentang menyertai forum ini.

Forum ini juga menawarkan pelbagai acara sampingan, termasuk lawatan ke Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah dan Pusat Pemuliharaan Harimau Malaya di Lanchang.

Selain itu, terdapat aktiviti lain seperti penanaman pokok bagi memberi peluang kepada peserta untuk menyaksikan sendiri usaha pemuliharaan dan melibatkan diri dengan pakar dalam bidang tersebut.